

03 OCT 2003

LIMA-Mahathir

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN LIMA 2003

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad yang merupakan pencetus idea penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA), hari ini berkata beliau berpuas hati dengan penganjuran edisi ke-7 pameran maritim dan udara terbesar di rantau ini.

"Saya berpendapat ia berjalan begitu lancar, walaupun bilangan syarikat yang menyertainya mungkin kurang sedikit (pada kali ini) tetapi kualiti penyertaan sangat tinggi," katanya.

Beliau berkata pempamer pada kali ini adalah "pempamer serius" dan pameran kali ini turut menyaksikan lebih 100 buah pesawat dipamer dengan sebilangannya memperlihatkan peragaan yang sangat menarik.

"Banyak juga bisnes yang dilakukan dalam pameran maritim dan di sini (udara) dan saya sangat berpuas hati," katanya pada sidang akhbar di sini.

LIMA 2003 yang berlangsung selama enam hari dibahagikan kepada dua segmen dan pameran kepada pelawat perdagangan berakhir hari ini. Pameran akan dibuka kepada orang ramai selama dua hari mulai esok.

Perdana Menteri juga berharap LIMA akan datang akan bertambah baik daripada edisi-edisi sebelumnya.

Mengenai komitmen syarikat-syarikat untuk menyokong LIMA akan datang, beliau berkata : "Saya berharap (pameran LIMA) akan lebih besar daripada ini, jika tiada sebarang masalah seperti SARS atau lain-lain."

Apabila ditanya sama ada beliau akan menghadiri LIMA akan datang, beliau berkata: "Saya tidak tahu."

Ketika ditanya sama ada beliau akan membantu menarik syarikat-syarikat asing untuk menyertai LIMA 2005, Dr Mahathir berkata jika diminta, beliau sedia memberikan ceramah. "Tetapi jika (anda) meminta saya menyumbangkan wang, (Saya) tidak akan mempromosinya."

Terhadap pertanyaan mengenai perasaannya memandangkan LIMA kali ini yang terakhir sebelum persaraan beliau selepas bulan ini, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Saya akan berehat...adakah anda mahu saya menangis?"

Mengenai kerjasama ketenteraan antara Rusia dan Malaysia, beliau berkata kerjasama antara kedua-dua negara adalah baik dan sentiasa berkembang.

"Sudah tentu kita juga berminat bekerjasama dalam bidang lain dan bidang penerbangan awam.

"Kita memberi keutamaan kepada kepentingan negara, jadi kita sedia bekerjasama dengan sesiapa sahaja selagi mereka memindahkan teknologi kepada kita," kata Dr Mahathir.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan LIMA 2005 yang dijadualkan berlangsung dari 6 Dis hingga 11 Dis, 2005.

Beliau juga menyaksikan wakil beberapa buah syarikat termasuk Eurocopter Malaysia, PJS Industries Sdn Bhd, Sukhoi dan Composite Technology Research Malaysia menandatangani persetujuan menyertai LIMA 2005.

-- BERNAMA

SR MAD AZZ AO MOZ